

PENEKANAN ASPEK WASTIYYAH BAGI PEMBANGUNAN KESEJAHTERAAN MASYARAKAT ISLAM MELALUI PENGUBATAN ALTERNATIF ISLAM: PENGALAMAN DI MALAYSIA

Khadher Ahmad¹, Mohd Farhan Md Ariffin², Mohd Khairi Shafie³
Sedek Ariffin⁴, Fauzi Deraman⁵ dan Mustaffa Abdullah⁶

ABSTRAK

Pemahaman yang sebenar terhadap aspek wasatiyyah dan penerapannya dalam pelbagai bidang adalah perlu diberikan perhatian yang sewajarnya. Aspek pengubatan alternatif Islam adalah antara bidang yang boleh diterapkan aspek tersebut sehingga dapat menjadikan bidang pengubatan alternatif ini tidak tersasar daripada matlamat dan dasar Islam yang sebenar. Realiti semasa menunjukkan bahawa penawaran perkhidmatan rawatan oleh pengamal pengubatan Islam di Malaysia mempunyai pelbagai motif sama ada untuk tujuan perniagaan bagi meraih keuntungan, membantu pesakit, mengenakan bayaran perkhidmatan rawatan yang membebankan, tidak menjaga batas pergaulan dan percampuran antara lelaki dan wanita, mencampur aduk dengan rawatan bomoh yang menyeleweng dan sebagainya lagi. Keadaan tersebut tidak menggambarkan kepada tema dan nilai Islam yang sebenar tetapi telah melampaui batasan yang ditetapkan dalam syariat Islam. Berdasarkan kepada metode analisis induktif, deduktif dan deskriptif, kajian ini berusaha untuk menerapkan aspek wasitiyyah dalam bidang pengubatan alternatif Islam bagi tujuan untuk memastikan tittle "Islam" yang diguna pakai dalam bidang ini adalah bertepatan dengan tuntutan nya. Hasil kajian mendapati bahawa melalui penerapan terhadap aspek-aspek wastiyyah perlu dilakukan terhadap pengasas atau pengamal pengubatan

¹ Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Emel: khadher82@um.edu.my.

² Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

³ Jabatan Pengajian Am, Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (POLIMAS). Emel: khairiqi@gmail.com

⁴ Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

⁵ Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

⁶ Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

dan pesakit. Walaupun begitu, penerapan terhadap pengasas atau pengamal pengubatan dilihat lebih dominan memandangkan bahawa peranan mereka dalam menyediakan khidmat rawatan dan berhubung dengan pesakit melalui pusat rawatan alternatif yang dikenalkan.

Kata kunci: Wasatiyyah; Pengubatan Alternatif Islam; Malaysia; Bomoh; Khurafat.

PENGENALAN

Pengubatan tradisional dan komplementari (PTK) atau dalam istilah Inggeris *Complementary and Alternative Medicine* (CAM) adalah berbeza mengikut negara, lokasi geografi, latar belakang etnik, sosio-ekonomi dan agama. Budaya rawatan terhadap masyarakat dalam negara *multi-ethnic* seperti Malaysia memerlukan pemahaman terperinci berkenaan budaya setempat (*local culture*), kepercayaan (*religious belief*) dan amalan tradisional (*traditional practice*) masyarakat setempat. Kajian oleh *World Health Organisation* (WHO) menunjukkan 80% populasi negara membangun dan 65% populasi negara maju bergantung kepada PTK dalam penjagaan kesihatan.

Menurut Xu Hao (2012), dianggarkan sekitar \$500 juta diperuntukkan rakyat Malaysia untuk PTK. Kajian terkini membuktikan peningkatan penggunaan PTK dalam kalangan pesakit khususnya penghidap penyakit kronik. PTK menjadi pilihan utama masyarakat dalam mengubati penyakit fizikal dan mental selain masalah spiritual.⁷ Kajian oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) turut menunjukkan 56% rakyat Malaysia menggunakan PTK sebagai alternatif kepada pengubatan moden dan jumlah tersebut kian meningkat saban tahun.

Kajian lanjutan bermula Disember 2012 hingga Jun 2013, memperlihatkan satu nilai signifikan penglibatan masyarakat Muslim dalam bidang pengubatan alternatif di Malaysia. Kehendak terhadap keperluannya meningkat mendadak sehinggakan wujud pelbagai jenis bentuk rawatan alternatif di Malaysia. Pengubatan berasaskan PTK yang dimaksudkan ialah rawatan berasaskan ruqyah, aura, batin, homeopati dan sebagainya. Salah

⁷ Xu Hao, Chen Ke-Ji, (2012), *Complementary and Alternative Medicine: Is It Possible To Be Mainstream?*, *Chin J Integr Med* 2012, 18(6), 403-404.

satu kaedah rawatan alternatif yang semakin diberi perhatian di Malaysia ialah pengubatan alternatif Islam (PAI).⁸

Pada tahun 2015, dianggarkan telah wujud lebih 200 pusat rawatan alternatif Islam berdaftar di seluruh Malaysia. Peningkatan populariti dan penggunaan PAI yang semakin meluas jelas memberi signifikan kepada polisi kesihatan semasa. Perkembangannya memberi impak kepada penurunan masalah kesihatan dalam komuniti.

Walaupun demikian, pelbagai cabaran yang perlu dihadapi oleh PAI sama ada dari pihak yang mengelolakannya atau daripada pihak pesakit yang mengunjunginya bagi mendapatkan khidmat rawatan yang ditawarkan. Ia rentetan daripada perkembangan yang pesat dan tiada kawalan yang sewajarnya sehingga berlaku campur aduk antara rawatan perbomohan yang dilarang dengan pendekatan rawatan berasaskan *ruqyah* daripada sumber al-Quran, sunnah dan doa-doa yang tertentu. Sekalipun sebahagian pusat rawatan melebalkan pusat rawatan mereka sebagai “rawatan Islam” atau “pengubatan Islam”, tetapi dari sudut pengamalan mereka jauh daripada amalan Islam yang sebenar seperti berlaku percampuran antara lelaki dan wanita, tidak menitik beratkan soal sentuhan lelaki dengan wanita, berduadua dalam bilik antara perawat lelaki dengan pesakit wanita; masih menggunakan pendekatan tradisional yang dilarang seperti wujudnya usur kepercayaan kepada makhluk ghaib yang membantu merawat, usur syirik seperti penyembelihan untuk tujuan kesembuhan dan persembahan dan sebagainya lagi.

Manakala di pihak pesakit pula, dapati bahawa ramai dalam kalangan pesakit yang sanggup menggadaikan akidah tauhid demi untuk meraih kesembuhan tanpa mengira jatuh kepada syirik ataupun tidak. Bahkan, ramai juga pesakit yang tertipu dengan tawaran rawatan yang ditawarkan oleh pusat rawatan sehingga ada yang perlu mengeluarkan ribuan ringgit untuk menampung kos rawatan, ada yang menghabiskan banyak masa untuk mengunjungi pusat-pusat rawatan sehingga bertahun-tahun, ada yang menyalahkan takdir Allah atas penyakit yang dihadapi dan pelbagai keadaan lagi. Sedangkan, jika diteliti dengan baik, Allah SWT menyatakan bahawa hamba-Nya adalah bersifat “wasatan” yakni pertengahan atau seimbang dari pelbagai aspek. Bahkan, ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi SAW juga bersifat sedemikian dalam memandu dan memimpin umat Islam ke jalan syariat yang sebenar.

⁸ Kajian dilakukan melalui peruntukan Geran Penyelidikan Universiti Malaya RG419-12 HNE bertajuk “Pusat Rawatan Alternatif Berteraskan Al-Quran Dan Sunnah: Kajian Malaysia”.

SEKOP DAN METODOLOGY

Artikel ini bertujuan untuk melihat realiti yang berlaku dalam pengubatan alternatif Islam dan cuba memberikan cadangan penambahbaikan berasaskan kepada penekanan aspek wastiyyah terhadap dua pihak utama yang terlibat dalam PAI iaitu pihak pengamal atau perawat dan pihak pesakit yang mendapatkan rawatan. Melalui pengaplikasian metodologi secara induktif, deduktif dan deskriptif, data-data yang dikumpulkan akan diteliti satu persatu sehingga dapat menjelaskan bagaimana penekanan terhadap aspek wastiyyah dapat menjadikan bidang pengubatan alternatif Islam dapat diterima oleh pelbagai pihak dan menjadi medium pengubatan penyakit yang benar-benar berteraskan Islam yang sebenar.

Sebelum daripada itu, kajian telah dilakukan bagi menilai tahap persepsi masyarakat yang terdiri dari kalangan pesakit-pesakit beragama Islam yang mengunjungi pusat-pusat rawatan alternatif Islam yang terdapat di Malaysia. Tumpuan kajian merangkumi sudut pengetahuan tentang rawatan Islam, para pengamalnya, jenis khidmat rawatan disediakan dan prospek masa depan rawatan alternatif Islam di Malaysia. Pengumpulan data menggunakan 400 set borang soal selidik. Sebelum itu, kajian rintis telah dijalankan terhadap 100 orang pesakit untuk menilai tahap kebolehpercayaan borang soal selidik tersebut. Hasil *cronbach alpha* yang diperoleh daripada hasil borang soal selidik tersebut adalah 0.720 dan ini lebih besar daripada julat ditetapkan (0.6). Jadi, *validity* (tahap kebolehpercayaan) borang kaji selidik adalah diperakui.

Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	N of Items
.720	31

Sumber: Soal Selidik (Pertengahan 2013)

Setelah itu, data dianalisis menggunakan metode *frequency* (jadual kekerapan) melalui perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS). Ini bagi memastikan data dapat dianalisis dan diolah dengan baik serta memahami signifikan respons. Akhirnya, makalah ini berusaha memberi cadangan bagaimana untuk menerapkan aspek *wasatiyyah* dalam bidang pengubatan alternatif Islam untuk memastikan *title* "Islam" yang diguna pakai dalam bidang ini adalah bertepatan dengan tuntutan syariat.

Hasil kajian mendedahkan bahawa penerapan *wasatiyyah* perlu dilakukan terhadap aspek pelaksanaan rawatan alternatif Islam. Aplikasi *wasatiyyah*

terhadap pengasas (pengamal pengubatan) dilihat lebih dominan memandangkan operasi dan pengurusan pusat rawatan alternatif dikendalikan sepenuhnya oleh mereka. Pada masa yang sama, tidak dinafikan bahawa pesakit juga perlu diterapkan supaya wujud keseimbangan terhadap pasakit dalam memahami pengubatan Islam yang sebenar dan berusaha untuk mencarinya.

PENGUBATAN ALTERNATIF ISLAM (PAI)

Rawatan alternatif Islam merupakan suatu kaedah rawatan yang berperanan memelihara kemaslahatan dan sebagai pelengkap kepada sistem rawatan berasaskan klinikal dari aspek penyembuhan penyakit dengan cara rawatan mengikut syariat. Rawatan alternatif Islam yang dimaksudkan adalah berupa suatu bentuk kaedah rawatan penyakit berasaskan bacaan ruqyah dari al-Qur'an dan al-Hadith, cara atau teknik rawatan yang diaplikasikan serta penggunaan bahan-bahan rawatan yang tidak bercanggah dengan norma kesucian wahyu Islam.⁹

Bermula akhir tahun 1960, para pemikir Islam mula memperkenalkan konsep "*Traditional Arabic and Islamic Medicine*" (TAIM) sebagai alternatif model "*bio-medical*" bawaan Barat. Pada awalnya, perkembangannya dilihat berdaya maju untuk masa hadapan. Namun, sehingga kini "*Islamic Medicine*" masih belum tampil sebagai model penjagaan kesihatan secara komprehensif di mana-mana negara dibandingkan model kesihatan *Western*.¹⁰ Pengubatan alternatif dan herba boleh diklasifikasikan kepada empat kumpulan asas iaitu: *Traditional Chinese Herbalism*, *Ayurvedic Herbalism*, *Western Herbalism* dan *Traditional Arabic and Islamic Medicine* (TAIM). Bagi kebanyakan negara Muslim, pengubatan alternatif berasaskan Islam (TAIM atau di Malaysia dikenali sebagai PAI) merupakan salah satu metodologi penjagaan kesihatan.¹¹

⁹ Khadher Ahmad, Abdullah Yusuf, Mohd Farhan Md Ariffin. 2014. Hala Tuju Pengubatan Alternatif Berteraskan Islam Di Malaysia: Kajian Persepsi Pengamal Perubatan. *Al-Basirah Journal, Akademi Pengajian Islam Nilam Puri, Kelantan*, bil. 4 (6): 109-134.

¹⁰ Hassan Azaizeh, Bashar Saad, Edwin Cooper and Omar Said, "*Traditional Arabic and Islamic Medicine, A Re-Emerging Health Aid*", *eCAM* 2010; vol. 7 (4), pp. 419-424. Ibrahim b. Syed, "*Spiritual Medicine in the History of Islamic Medicine*", *JISHIM* 2003, 2 (4), pp. 45-49.

¹¹ Salim M Adib, "*From the Biomedical Model to the Islamic Alternative: A Brief Overview of Medical Practices in the Contemporary Arab World*", *Social Science and Medicine* 2004, 58 (4), pp. 697-702.

Tidak dinafikan konsep TAIM merupakan elemen penting dalam kehidupan di Timur Tengah. Ia banyak dirujuk oleh penduduk dalam lingkungan Mediterranean yang lebih mempercayai “*spiritual healers*.” Perkembangannya diiktiraf dunia dan kian memuncak dengan minat ditunjukkan komuniti saintifik. TAIM turut menjadi pilihan utama dalam mengubati penyakit seperti kemandulan, sawan, *psychosomatic* dan tekanan perasaan (*depression*). Bahkan terapi TAIM turut mempamerkan kejayaan dalam mengubati penyakit akut dan masalah kronik.¹²

Dalam rawatan Islam, penyakit tidak ditafsirkan secara *harfiah*. Penyakit yang menghinggapi seseorang dilihat dari dimensi berbeza. Penyebab utama adalah kurang keprihatinan terhadap aspek spiritual sehinggakan elemen sebab dan akibat perlu diambil perhatian.¹³ Justeru, pengubatan secara Islam mempromosikan ubat-ubatan berasaskan herba sebagai tambahan kepada fokus “*faith-healing*” melalui solat dan bacaan al-Qur’an.¹⁴

Pengubatan alternatif Islam (PAI) merujuk kepada pendekatan rawatan selain rawatan melalui institusi rawatan moden seperti hospital, klinik dan pusat pengubatan. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), terdapat pelbagai jenis pengubatan alternatif. Ini berbeza mengikut cara dan pendekatan yang diamalkan. Cara dan pendekatan tersebut sama ada menggunakan terapi spiritual atau melalui penggunaan ubat-ubatan herba atau sebagainya.¹⁵ Menurut Esther Walcott (2004), istilah pengubatan alternatif sering bertukar dengan istilah pengubatan tradisional di Indonesia. Tambah beliau lagi, terdapat pelbagai jenis pengubatan tradisional yang diketahui melalui cara dan pendekatan rawatannya. Ada yang menggunakan mantera dan jampi, ada yang menggunakan alatan tertentu dan ada yang menggunakan ubatan herba dan jamu.¹⁶

Dari sudut pengamal pengubatan alternatif pula, mereka dikenali dengan beberapa istilah yang berbeza dari sudut fungsi dan peranannya dalam

¹² Hassan Azaizeh, Bashar Saad, Edwin Cooper and Omar Said, “Traditional Arabic and Islamic Medicine, A Re-Emerging Health Aid”, *eCAM* 2010; vol. 7 (4), pp. 419–424.

¹³ Salim M Adib, “From the Biomedical Model to the Islamic Alternative: A Brief Overview of Medical Practices in the Contemporary Arab World”, *Social Science and Medicine* 2004, 58 (4), pp. 697–702.

¹⁴ Ibrahim Syed, “Spiritual Medicine in the History of Islamic Medicine”, *JISHIM* 2003, 2 (4), pp. 45–49.

¹⁵ Timmermans, Karin. (2001). *ASEAN Workshop: TRIPS, CBD and Traditional Medicines: Concepts and Questions*. Jakarta: 13–15:02.01.

¹⁶ Esther Walcott. (2004). “Seni Pengobatan Alternatif: Pengetahuan dan Persepsi”, *Kerja Kursus Program Australian Consortium for In Country Indonesia Studies (ACICIS)*, Malang, Indonesia: Universitas Muhammadiyah.

pengubatan. Di Jawa contohnya, seorang ahli pengubatan alternatif dikenali sebagai “*dukun*”. Manakala dalam kalangan orang Melayu, terdapat beberapa istilah yang digunakan merujuk kepada pengamal pengubatan alternatif tradisional. Antaranya, bomoh, pawang dan dukun. Kemudian, jika rawatan yang disediakan itu berteraskan pendekatan Islam, maka pengamalnya dikenali sebagai “*perawat*” atau “*ustaz*”.¹⁷

Menurut Azizan Baharuddin (1993), pengubatan alternatif Islam (PAI) merupakan suatu bentuk sistem pengubatan yang telah dikonsepkan serta dibina oleh orang-orang Islam berbagai bangsa dan kumpulan etnik dari permulaan zaman Islam hinggalah sekarang. Ia berasaskan pada prinsip yang lahir dari ajaran dan doktrin Islam itu sendiri.¹⁸ Beliau turut memetik pandangan Roland Werner (1983) yang menyatakan bahawa pengubatan Islam merupakan percubaan cendekiawan Muslim untuk menangani masalah penyakit dan kesihatan yang selari dengan pandangan bahawa Tuhan, manusia, alam dan masyarakat saling berkait antara satu sama lain dengan cara yang harmoni.¹⁹ Bahkan pengubatan Islam merupakan satu manifestasi budaya Islam terbaik dalam aspek spiritual, moral dan nilai etikanya. Sekalipun pengubatan alternatif itu merujuk kepada pengubatan tradisional yang lebih awal berkembang dan diamalkan dalam masyarakat. Namun, takrifan paling tepat ialah cara pengubatan alternatif yang mampu menyediakan kaedah rawatan pelengkap atau alternatif apabila kaedah pengubatan sedia ada tidak mampu menampung atau membantu merawat dan menyelesaikan masalah sedia ada. Apabila dikaitkan dengan Islam, ia merujuk kepada khidmat rawatan yang disediakan itu menjadikan syariat sebagai landasan utama dalam proses penyediaan dan perlaksanaannya.

Malah, pengubatan alternatif Islam (PAI) adalah merujuk kepada satu sistem rawatan yang diasaskan dengan tujuan untuk menjaga kemaslahatan manusia dan pelengkap kepada sistem rawatan sedia ada tetapi menitikberatkan syariat sebagai dasar utama dalam perlaksanaan. Kenyataan ini bertepatan dengan kenyataan daripada Khadher Ahmad mendefinisikan “*Pusat Rawatan Islam*” sebagai suatu tempat yang menjalankan kegiatan merawat dan

¹⁷ Khadher Ahmad, et al. (2013). *Seni Perubatan Alternatif Di Malaysia: Analisis Permasalahan Metode Rawatan*. Global Journal Al-Thaqafah (GJAT), V. 4, Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah, Malaysia.

¹⁸ Azizan Baharuddin. (1993), “Unsur Rasional dan Spiritual di Dalam Perubatan Melayu,” dalam Azizan Baharuddin (pnyt), *Perubatan Dan Kesihatan Di Kalangan Orang Melayu*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya

¹⁹ Roland Werner. (1983), *Transcultural Healing, The Whole Human*, (Kuala Lumpur: University Malaya Press.

menyediakan perkhidmatan rawatan penyakit serta menjadi tumpuan orang ramai untuk mencari ikhtiar kesembuhan.²⁰

Melihatkan perkembangannya di Malaysia, bidang pengubatan alternatif Islam sedang menuju ke kemuncak. Kewujudan pusat-pusat rawatan alternatif Islam bagaikan “*cendawan tumbuh selepas hujan*” nyata memperlihatkan keterbukaan masyarakat terhadap konsep pengubatan baru. Pusat rawatan alternatif Islam bukan sahaja dirujuk oleh pesakit yang menghidap penyakit rohani atau melibatkan masalah dalaman seperti terkena sihir, kerasukan jin, santau dan histeria. Bahkan merangkumi rawatan bagi pelbagai penyakit jasmani dan mental.

Perkhidmatan rawatan dijalankan berlandaskan lunas-lunas agama Islam. Secara umumnya, pengubatan alternatif Islam adalah berasaskan pada ciri-ciri berikut; [*Pertama*] Menggunakan bacaan atau jampi dari jenis ruqyah yang bersumberkan al-Quran, sunnah dan doa-doa yang baik, [*Kedua*] Mempunyai kaedah dan teknik rawatan mengikut ajaran Nabi SAW atau tidak bercanggah dengan syariat dan tidak meragukan, [*Ketiga*] Menggunakan bahan-bahan rawatan tertentu yang bersih dan suci, bukan dari jenis bahan yang diharamkan atau najis, [*Keempat*] Menitikberatkan syariat Islam dalam setiap aspek praktikal rawatan seperti pemeliharaan aurat wanita, tidak bersendirian antara perawat lelaki dan pesakit wanita, mengamalkan konsep membantu sesama Muslim dan sebagainya.²¹

Kesimpulannya, pengubatan alternatif Islam adalah merujuk kepada satu sistem rawatan yang diasaskan untuk menjaga kemaslahatan umat manusia dan pelengkap kepada sistem rawatan secara klinikal dengan menitikberatkan syariat sebagai landasan utama dalam pelaksanaan sistem tersebut.

KEPENTINGAN PENGUBATAN ALTERNATIF ISLAM DALAM MASYARAKAT

Pengubatan alternatif Islam (PAI) diterima baik dalam kalangan masyarakat Islam dan bukan Islam di Malaysia. Dalam kajian yang dilakukan pada Disember 2012 hingga Jun 2013, didapati pusat-pusat rawatan alternatif

²⁰ Khadher Ahmad. (2012). *Analisis Hadith-Hadith Mengenai Rawatan Sihir Dalam Al-Kutub Al-Sittah: Aplikasi Di Pusat Rawatan Islam Di Malaysia*. Tesis PhD, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, Malaysia.

²¹ Khadher Ahmad, Abdullah Yusuf & Mohd Farhan Md Ariffin. (2014). *Hala Tuju Pengubatan Alternatif Berteraskan Islam Di Malaysia: Kajian Persepsi Pengamal Perubatan*. *Al-Basirah Journal*, Akademi Pengajian Islam Nilam Puri, Kelantan (ISSN: 2232-0423), bil. 4 (6): 109-134.

Islam turut dikunjungi oleh pesakit dari kalangan masyarakat *non-Muslim* bagi mendapatkan rawatan.²²

Bidang pengubatan alternatif Islam diakui menyumbang kepada polisi kesihatan semasa di Malaysia. Kesedaran tinggi masyarakat untuk kembali kepada ajaran Islam yang sebenar-benarnya menjadi faktor pendorong rujukan masyarakat terhadap PAI. Masyarakat mula sedar penggunaan ayat al-Qur'an merupakan medium penyembuhan penyakit yang tulen dan efektif. Di sini wujudnya peranan semua pihak misalnya pendedahan meluas melalui media massa dan media alternatif telah menampakkan kepentingan PAI.

Sebelum menerangkan lebih mendalam mengenai kepentingan PAI, wajar disertakan sebahagian dapatan hasil edaran borang soal selidik untuk pemahaman lebih lanjut. Dalam bahagian ini, pengkaji menganalisis pengetahuan dan interaksi responden terhadap rawatan alternatif Islam di Malaysia. Berikut merupakan dapatan kajian untuk soalan A1 hingga A8.²³

Bahagian A: Interaksi Responden Terhadap Rawatan Alternatif Islam di Malaysia

<i>Bil</i>	<i>Soalan</i>	<i>Pilihan Jawapan</i>	<i>(%)</i>
A1	Adakah anda tahu bahawa terdapat pusat rawatan alternatif Islam di Malaysia?	Ya	97.1
		Tidak	2.9
A2	Adakah anda atau keluarga anda pernah mendapatkan khidmat rawatan penyakit di pusat-pusat rawatan alternatif	Ya	91.3
		Tidak	8.7
A3	Apakah jenis pusat rawatan alternatif yang dirujuk	Rawatan Islam	83.9
		Pusat Rawatan Bekam	6.9
		Rawatan Tradisional	8.4
		Pusat Rawatan Allopati	0.3
		Lain-lain	0.5
A4	Apakah jenis khidmat rawatan penyakit yang biasa dirujuk di pusat rawatan alternatif Islam	Penyakit disebabkan gangguan makhluk halus	82.3
		Penyakit fizikal	9.0
		Penyakit yang berkaitan jiwa atau mental	7.4
		Lain-lain	1.3
A5	Apakah faktor yang mendorong anda	Kesukaran pihak hospital	

²² Kajian ini merupakan sebahagian usaha hasil sumbangan Geran Penyelidikan Universiti Malaya RG419-12 HNE bertajuk "Pusat Rawatan Alternatif Berteraskan Al-Quran Dan Sunnah: Kajian Malaysia".

²³ Satu kajian telah dijalankan di tujuh puluh (70) buah pusat rawatan alternatif Islam seluruh Malaysia bagi mendapatkan maklumat persepsi 379 orang masyarakat Muslim terhadap rawatan alternatif Islam. Satu soal selidik telah dijalankan pada pertengahan tahun 2013.

	merujuk kepada khidmat rawatan alternatif Islam	atau klinik untuk mengubati pesakit /penyakit	35.1
		Lebih yakin dengan pendekatan dalam rawatan Islam	25.3
		Mencuba sesuatu yang baru	10.6
		Desakan daripada ahli keluarga atau rakan-rakan	6.3
		Kemahuan sendiri untuk mendapatkan khidmat rawatan Islam	22.2
		Lain-lain	0.5
A6	Pusat rawatan alternatif Islam hanya sesuai untuk mendapatkan khidmat rawatan penyakit yang melibatkan makhluk halus sahaja	Sangat Tidak Setuju	18.5
		Tidak Setuju	39.6
		Setuju	19.0
		Sederhana Setuju	13.2
		Sangat Setuju	9.8
A7	Penyakit fizikal seperti demam, sakit kepala, kencing manis, lemah jantung dan lain-lain turut dirawat di pusat rawatan alternatif Islam	Sangat Tidak Setuju	1.1
		Tidak Setuju	5.5
		Setuju	39.8
		Sederhana Setuju	28.8
		Sangat Setuju	24.8
A8	Pusat rawatan alternatif Islam memainkan peranan penting sepertimana hospital dan klinik	Sangat Tidak Setuju	2.1
		Tidak Setuju	5.3
		Setuju	33.2
		Sederhana Setuju	24.3
		Sangat Setuju	35.1

Hasilnya, kajian mendapati majoriti responden pernah mendapatkan khidmat rawatan alternatif Islam dan mengetahui kewujudan pusat rawatan alternatif Islam di Malaysia. Malah, pusat rawatan alternatif Islam merupakan jenis pusat rawatan alternatif yang sering dirujuk oleh responden.²⁴ Ini membuktikan, pengubatan alternatif Islam berperanan penting kepada masyarakat Muslim di Malaysia berbanding pengubatan alternatif lain.

Peratusan tertinggi responden turut berpandangan “*sangat setuju*” berkenaan peranan penting pusat rawatan alternatif Islam sepertimana yang dimainkan oleh hospital dan klinik.²⁵ Ini sekaligus memperlihatkan persepsi yang tinggi dalam kalangan responden dan tidak boleh menafikan “*vitality*” peranan pusat rawatan alternatif Islam dalam merawat penyakit.

Tahap persepsi tinggi dalam kalangan responden turut dapat diperhatikan apabila peratusan tertinggi responden mengatakan “*tidak setuju*” pusat rawatan alternatif Islam hanya sesuai untuk mendapatkan khidmat rawatan

²⁴ Lihat perbincangan soalan A1, A2 dan A3.

²⁵ Lihat perbincangan soalan A8.

penyakit yang melibatkan makhluk halus sahaja.²⁶ Justeru, ini menunjukkan keyakinan masyarakat terhadap potensi peranan pusat rawatan alternatif Islam yang lebih luas dari kebiasaannya.

Tambahan, signifikan peranan pusat rawatan alternatif Islam di Malaysia dilihat dipengaruhi atas dua faktor iaitu;

- (1) Diperlukan atas dasar kesukaran pihak hospital atau klinik untuk mengubati pesakit atau penyakit tertentu.²⁷
- (2) Dirujuk apabila melibatkan fungsi kebiasaannya (*normal function*) sebagai penyelesaian masalah penyakit spiritual (gangguan makhluk halus).²⁸

Namun, persepsi responden terhadap peranan pengubatan alternatif Islam dalam rawatan penyakit fizikal berada pada tahap sederhana.²⁹ Ini membuktikan responden tidak mengetahui lebih lanjut skop peranan lebih ofensif boleh dimainkan rawatan alternatif Islam di Malaysia. Ini mungkin didorong persepsi umum bahawa PAI lazimnya didefinisikan sebagai medium alternatif sebagai ikhtiar kesembuhan penyakit. Ia menjadi rujukan utama hanya apabila melibatkan penyembuhan penyakit bersifat rohani seperti kes gangguan makhluk halus, sihir, santau, masalah peribadi seperti malas, terang hati, sukar temu jodoh, pengasih dan lain-lain (masalah spiritual).

ISU NASYARAKAT DALAM PENGUBATAN ALTERNATIF ISLAM

Namun, di sebalik perkembangan pusat rawatan alternatif Islam di Malaysia, masih terdapat beberapa isu, kepincangan dan permasalahan yang memerlukan lebih penelitian dan penyelidikan mendalam. Hasil daripada temubual (*interview*) dan pemerhatian (*observation*) terhadap tujuh puluh (70) orang pengasas pusat rawatan alternatif Islam di Malaysia, pengkaji dapat merumuskan beberapa isu yang menyelubungi sinar lapangan rawatan Islam dari bebas menerangi seluruh Malaysia. Isu ini dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian, iaitu;

Pertama: Berkaitan Dengan Pengamal Pengubatan

Isu utama yang sering diputarkan dalam aspek rawatan Islam semestinya berkaitan peribadi dan akhlak seseorang perawat itu sendiri. Dari hasil

²⁶ Lihat perbahasan soalan A6.

²⁷ Lihat perbincangan soalan A5.

²⁸ Lihat perbahasan soalan A4.

²⁹ Rujuk perbahasan soalan A7.

pemerhatian, antara kelemahan dan kesilapan yang dilakukan perawat ialah seperti menghisap rokok, tidak menjaga aurat bagi perawat wanita, menyentuh wanita bukan muhrim tanpa lapik ketika merawat, tidak menjaga selok belok percakapan dan berpakaian compang-camping yang tidak menggambarkan etika seorang ustaz. Hal ini perlu ditekankan kerana melibatkan kepercayaan masyarakat umum terhadap sesebuah institusi rawatan Islam. Janganlah disebabkan “*nila setitik, rosak susu sebelanga*” hingga merosakkan nama “*rawatan Islam*”.³⁰

Selain itu, perawat yang tidak mahir tetapi cuba untuk membuka pusat rawatan Islam juga merupakan masalah yang harus ditangani. Ilmu pengubatan Islam tidak sekadar cukup dengan menghadiri kursus selama empat hingga lima bulan. Misalnya, akibat ketidakmahiran perawat, pesakit berdepan masalah ketidakseragaman penyakit dihadapi. Apabila di”*scan*” penyakit, ada perawat yang mengatakan penyakit akibat gangguan dan ada yang mengatakan penyakit akibat sihir, kanser dan sebagainya. Akibatnya, tafsiran dan telahan perawat Islam yang tidak sekata tentang penyakit dihadapi pesakit pasti memeningkan dan menambahkan tekanan pesakit.

Isu seterusnya ialah masih terdapat pusat rawatan alternatif Islam yang tidak memahami konsep “*rawatan Islam*” itu sendiri. Malah, pemahaman terhadap *roh* sunnah Nabi SAW dan peranan al-Quran sebagai mukjizat masih lemah. Terdapat pusat rawatan yang bertopengkan nama “*rawatan Islam*”, namun melakukan pembohongan dan hanya menzahirkan luaran yang kononnya menggunakan al-Quran, padahal dalaman berasaskan jin.³¹

Selanjutnya, pusat rawatan alternatif khususnya berasaskan bekam wajib berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kerana ia merupakan dasar undang-undang masa kini. Premis atau tempat bekam perlu diperakui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi mengelakkan masalah tidak diingini. Tambahan pula, para perawat Islam mestilah berilmu, berbekam dengan cara yang betul, bekam pada *point* yang betul, dan tidak menyakitkan pesakit. Berbekam jika kena caranya adalah tidak sakit. Hasil

³⁰ Khadher Ahmad & Mohd Farhan Md Ariffin. (2013). Pusat Rawatan Islam Di Malaysia: Antara Tanggungjawab Dan Keuntungan. Prosiding Seminar Hasil Penyelidikan Sektor Pengajian Tinggi Kementerian Pendidikan (SHP-KPT 2013). Anjuran Universiti Utara Malaysia (UUM), Kedah, Malaysia. Pada 2-3 Julai 2013, h. 462.

³¹ Khadher Ahmad & Mohd Farhan Md Ariffin. (2013). Khurafat Tahyul dan Teknik Mistik dalam Rawatan Alternatif. Prosiding Seminar Hasil Penyelidikan Sektor Pengajian Tinggi Kementerian Pendidikan (SHP-KPT 2013). Anjuran Universiti Utara Malaysia (UUM), Kedah, Malaysia. Pada 2-3 Julai 2013, h. 438.

observasi, hanya sedikit pusat rawatan bekam yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).³²

Dalam menyebutkan tentang pengubatan alternatif Islam (PAI), lambakan pusat rawatan tanpa kawalan telah mengundang campur aduk antara rawatan benar dan salah. Tidak semua rawatan yang dipraktikkan menepati ciri-ciri rawatan Nabi SAW. Sebahagian dari kaedah rawatan yang dipraktikkan adalah yang bercanggah dengan syariat Islam, ada yang meragukan dan ada juga yang memerlukan penelitian dan perbincangan yang lebih terperinci untuk mengetahui status pengamalannya dalam rawatan penyakit. Kaedah dan cara rawatan yang dilakukan perawat merupakan "*praktikal*" kepada ilmu yang diperolehi. Jika benar sumber ilmu yang didapati, maka jelas dan baiklah cara rawatan yang dipraktikkan.

Apa yang dapat dinyatakan di sini ialah perawat yang mendapat ilmu pengubatan dari guru (secara *talaqqi*), majoriti menggunakan kaedah yang *thabit* dengan merawat secara ruqyah, bekam dan doa zikir. Manakala perawat yang mendapatkan ilmu secara mimpi dan ilham atau dari sumber yang tidak dapat dipastikan kebenarannya, majoriti melakukan rawatan secara ghaib atau batin. Kaedah rawatan merupakan perkara yang penting dalam cara rawatan Islam. Hal ini merupakan perkara yang sering diperbahaskan dan dipertikaikan sesama pihak pusat rawatan Islam.

Kadar bayaran perkhidmatan tinggi yang dikenakan sesetengah pusat rawatan merupakan perkara yang boleh memburukkan nama institusi dan membantutkan perkembangan rawatan Islam. Hal ini terjadi kerana segelintir pusat rawatan Islam mementingkan keuntungan serta bakhil membantu orang yang memerlukan. Malah, banyak pusat rawatan Islam yang ditubuhkan atas dasar bisnes atau perniagaan semata-mata. Ada pusat rawatan yang memaksa dan menyuruh pesakitnya membeli produk yang kononnya "*telah diruqyahkan*". Perlu diketahui, perawat tidak berhak untuk memaksa pesakit.³³ Para perawat yang telah dikaburi wang ringgit, akan menggalakkan terjadinya penipuan dan rawatan "*ala kadar*" tanpa memikirkan implikasi pada pesakit.

Di luar sana, masih banyak perawat dan bomoh-bomoh kampung yang merawat tanpa diketahui kebenaran kaedah rawatan dan tidak berdaftar.

³² Hasil pemerhatian dan temuramah dengan Master Muhammad Yunus Bin Sahari, pengasas Pusat Rawatan Alternatif Rumah Sihat (Bekam Terapi Moden Malaysia) di Batu Caves, Selangor pada Mac 2013.

³³ Hasil temuramah dengan Encik Zaiani bin Mohd Diah, pengasas pusat perubatan tradisional Delima Nurrin Nubuwwah, Negeri Sembilan pada Mac 2013.

Justeru, dengan wujudnya Gabungan Pengamal-Pengamal Pengubatan Islam Malaysia (GAPPIMA) akan mengawal selia semua aktiviti dan perjalanan pusat rawatan Islam di Malaysia. Sayangnya, masih terdapat pihak yang memandang serong kewujudan GAPPIMA. Implikasinya, sehingga kini tiada sebuah persatuan yang mampu menggabungkan semua pengamal pengubatan Islam di Malaysia. Hal ini terjadi oleh kerana terdapat terlalu banyak khilaf dan perselisihan faham antara pusat rawatan Islam berhubung isu utama, iaitu praktik kaedah dan sumber ilmu pengubatan.

Perpaduan dan kesatuan antara pusat rawatan Islam merupakan aspek yang cukup kompleks dan banyak penjelasan perlu dilakukan. Menurut pemerhatian pengkaji, isu persatuan memainkan peranan penting dalam suasana terkini pusat rawatan Islam. Semua pusat rawatan Islam contohnya perlu berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) atau persatuan yang diiktiraf Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), jika tidak akan dikenakan sejumlah denda oleh pihak berkuasa berkaitan. Buat masa ini hanya Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Darussyifa' sahaja yang mendapat pengiktirafan daripada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplimentari (BPTK) sebagai badan pengamal yang mewakili pengubatan Islam di Malaysia.³⁴

Kedua: Berkaitan Dengan Pesakit

Isu pertama ialah akidah pesakit yang longgar dan masih meletakkan kepercayaan kepada bomoh. Bomoh lazimnya dikaitkan dengan jin dan amalan khurafat tahyul. Pesakit yang jahil berhubung kaedah rawatan yang bercanggahan dengan syara' lazimnya menggunakan kaedah perbomohan. Implikasinya, pesakit turut terlibat dengan perkara syirik akibat mengikut kata-kata dan memenuhi permintaan bomoh.

Dalam rawatan Islam, penyakit tidak ditafsirkan secara *harfiah*. Penyakit yang menghingapi seseorang dilihat dari pelbagai dimensi. Penyebab utama penyakit mungkin disebabkan kurang memberi perhatian terhadap aspek spiritual. Ubat-ubatan hanya bertindak sebagai penyokong dan tidak memungkinan seseorang sembuh dari penyakitnya. Allah SWT merupakan penyembuh sebenar. Terlalu bergantung kepada ubat-ubatan untuk penyembuh adalah persepsi yang salah. Sebagai seorang Islam, pesakit wajib meletakkan kebergantungan pada Allah SWT dan ubat-ubatan bertindak sebagai daya usaha pendorong ke arah kesembuhan.

³⁴ Rujuk laman sesawang rasmi: Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplimentari, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di link: http://tcm.moh.gov.my/v4/bmelayu/modules/mastop_publish/?tac=39, 29 Ogos 2015.

Golongan yang berhajat pada bidang pengubatan alternatif Islam merupakan golongan yang berusaha mencurahkan wang dan tenaga dalam mencari kesembuhan. Bahkan, pesakit akibat penyakit dan gangguan jin syaitan semakin ramai seiring dengan kemodenan zaman.

Penyakit yang menimpa pesakit ialah ujian Allah SWT terhadapnya dan orang yang sakit akan berusaha dengan apa cara sekalipun untuk mencari kesembuhan. Apa yang menjadi keutamaan pesakit juga ialah kesan dari rawatan. Justeru, rawatan dipilih mestilah bersifat lebih efektif dan efisien agar tidak perlu berbelanja besar berhabis ribuan ringgit berubat.

Banyak aduan yang diterima dari pesakit apabila mereka telah pergi berubat ke serata tempat pengubatan Islam, tetapi tidak jua sembuh. Malah, apa yang lebih menyakitkan hati, rawatan yang diterima tidak seberapa namun cas rawatan tinggi melambung. Rawatan jenis ini jelas menzalimi dan mengambil kesempatan terhadap pesakit dan termasuk dalam kalangan perosaksunnah.

Berdasarkan kajian, penerimaan anggota masyarakat terhadap bidang pengubatan Islam masih belum menyeluruh. Persepsi masyarakat juga masih disempitkan dengan majoriti menganggap bidang rawatan Islam hanya berkait gangguan jin sahaja. Ini dibuktikan apabila hanya hal berkaitan gangguan yang sering dirujuk di pusat-pusat rawatan Islam. Hal ini kerana anggota masyarakat tidak didedahkan sepenuhnya berkenaan rawatan kaedah Islam dan cabang-cabang yang terdapat di dalamnya.

Apabila diteliti, kesedaran masyarakat untuk berubat sebelum sakit masih lagi kurang. Meskipun pusat rawatan alternatif Islam terletak dalam kawasan kejiranan atau masjid, anggota masyarakat masih lagi kurang kesedaran untuk mencuba mendapatkan rawatan. Hanya apabila gagal dalam menjalani rawatan di hospital, barulah akan dicari kaedah rawatan alternatif Islam.

PENERAPAN ASPEK WASATIY DALAM PENGUBATAN ALTERNATIF ISLAM

“Wasat” bermakna “tengah” iaitu tidak lebih, tidak kurang, biasa, atau sedang dalam perkara atau tindak tanduk. Namun, kata terbitan wasat juga memberi maksud “yang adil”, “yang terbaik”, “yang terpilih” (pada mutu), “yang terhalus” (pada seni) dan “yang terhormat”. Ia juga bermaksud tidak banyak selok beloknya, tidak rumit dan tidak sulit. Dalam bahasa Inggeris, istilah yang digunakan untuk menunjukkan maksud kesederhanaan adalah *moderate*, *middling*, *medium*, *modest*, *not extreme* atau *excessive*. Dalam

bahasa Arab pula, kesederhanaan disebut sebagai *al-Iqtisad*, *al-Tasawwut* dan *al-Ibtidal*.³⁵

Menurut Imam al-Ghazali, wasatiyyah adalah satu keadaan pertengahan yang dinamakan sebagai sifat keutamaan dan ia terletak di antara dua sifat ekstrem yang tercela. Kecondongan dari sifat pertengahan kepada satu sifat ekstrem akan menimbulkan kecacatan. Sifat pertengahan ini dapat ditentukan melalui prinsip umum yang ditetapkan oleh akal dan syariat Islam. Sifat pertengahan biasanya relatif, ia berbeza antara seseorang individu dengan orang lain dan dalam situasi berlainan mengikut kemampuan masing-masing dengan cara yang “*terbaik*” dan “*teradil*”.³⁶

Wasatiyyah merupakan elemen penting dalam pembentukan individu dan masyarakat dan berguna untuk keharmonian negara. Ia bukan sahaja perlu ada di dalam aspek ibadah semata-mata, bahkan merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia samaada dari segi politik, ekonomi, sosial, akhlak dan sebagainya.

Objektif Rasulullah SAW menyarankan supaya bersikap wasatiyyah ialah oleh kerana ia mampu menarik minat manusia kepada agama, sekaligus membuktikan Islam satu-satunya agama yang mengatur disiplin umatnya dengan hukum dan peraturan, akan tetapi tidak juga menghalang setiap individu menjalani kehidupan. Ia sekaligus dapat mengelakkan umat daripada bersikap lemah longlai dalam beragama memandangkan terdapat banyak perkara yang perlu dilaksanakan sebagai seorang muslim.³⁷

Banyak ayat al-Qur'an dan al-Sunnah, kata-kata para sahabat dan ulama terdahulu dan ulama semasa menyebut secara langsung atau tidak langsung tentang istilah wasatiyyah. Ia merupakan satu metode dalam kaedah Islam yang menggambarkan hakikat ajaran Islam itu sendiri. Konsep wasatiyyah inilah yang dibawa oleh Rasulullah SAW dan ia menjadi pegangan para sahabat baginda SAW. Ia turut diwarisi oleh umat Islam masa kini sebagai aliran perdana dalam mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah.³⁸

³⁵ Zainal Kling, Profesor Datuk Dr., *Konsep Wasatiyyah: Perspektif Sains Sosial*, (Kertas Kerja dibentangkan dalam Konvensyen Wasatiyyah Sempena Satu Milenium Islam di Nusantara, anjuran Nadi Dialog Malaysia (NADI) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Hotel Pullman, Putrajaya pada 10-11 Jun 2011, h. 1.

³⁶ M. Abdul Quesem (1998), *Etika Al-Ghazali*, Surabaya: Pustaka Bandung, h. 83.

³⁷ Mohamad Kamil Hj. Abdul Majid (2013), *Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah*, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 1.

³⁸ Ismail Ibrahim, Profesor Dato' Dr, *Konsep Wasatiyyah: Perspektif Islam*, (Kertas Kerja dibentangkan dalam Konvensyen Wasatiyyah Sempena Satu Milenium Islam di

Islam merupakan agama toleransi antara dunia dan akhirat. Muslim yang cemerlang merupakan Muslim yang mampu memperhubung dan menggabung hal-hal keduniaan dan keagamaan dengan seimbang. Ini secara tidak langsung akan melahirkan seorang hamba yang benar-benar Muslim dari sudut perbuatan dan percakapan zahir dan batin. Ini adalah kerana hati mereka sentiasa mengingati Allah SWT dan sangat berhati-hati supaya tidak terjerumus ke dalam perkara-perkara yang dimurkai Allah SWT.

Apabila mereka mendapati diri mereka sedang melakukan perkara-perkara yang diredhai Allah SWT, maka mereka bersyukur dan memuji Allah SWT. Sebaliknya apabila mereka mendapati diri mereka sedang melakukan perkara yang dimurkai Illahi, mereka segera mengingati Allah SWT dan bertaubat. Umat Islam yang sederhana dalam tindakan dan perbuatan bukanlah bermaksud hanya cukup dengan apa yang ada. Akan tetapi, jika diukur dari aspek kejayaan, mereka yang *wasat* ialah golongan yang menuntut keseimbangan dunia dan akhirat dan akhirnya cemerlang dunia dan akhirat.

Justeru, bagi menangani kepincangan dan isu-isu berbangkit berkaitan pengubatan alternatif Islam, unsur *wasatiy* boleh diterapkan terhadap dua pihak utama yang terlibat, iaitu;

Pertama: Pihak Perawat atau Pengamal Pengubatan Alternatif (PAI)

Penerapan aspek wastiyyah dapat diterapkan dalam kalangan pengamal dan pengamal pegubatan Islam melalui beberapa pendekatan berikut, iaitu:

[1] *Wasatiy* dari sudut *thaqafah* (pengetahuan) tentang selok belok pengubatan alternatif Islam

Para pengamal dan perawat sewajarnya mempunyai *thaqafah* (pengetahuan) yang menyeluruh dan luas yang bukan semata-mata menyediakan khidmat rawatan penyakit sahaja. *Thaqafah* yang menyeluruh itu khususnya dari aspek kemahiran rawatan, ilmu pengurusan pusat rawatan alternatif, ilmu berhubung dengan kaedah rawatan yang ditawarkan khususnya dari sudut diagnosis penyakit, pengalaman dalam rawatan dan sebagainya lagi. Bahkan yang paling utama adalah **keseimbangan** terhadap semua aspek tersebut supaya krelibiliti sebagai seorang perawat benar-benar terserlah dan memainkan peranan yang betul. Hal ini kerana peranan para perawat atau

pengamal pengubatan alternatif dewasa ini adalah sangat penting. Sehingga boleh diandaikan bahawa pentingnya peranan mereka adalah seperti keperluan seorang pesakit terhadap khidmat rawatan seorang doktor di hospital atau klinik. Bahkan, keperluan terhadap peranan para perawat atau pengamal pengubatan itu bukan hanya setakat menyediakan khidmat rawatan, tetapi turut terlibat dalam memberi nasihat, khidmat kaunseling, membantu memulihkan gangguan di kediaman atau tempat tertentu, membantu membetulkan akidah dan amalan khurafat, membantu membersihkan kepercayaan karut dan sebagainya yang luas skopnya berbanding doktor di hospital.

[2] *Wasatiy* dari sudut keperibadian dan akhlak sebagai seorang pengamal atau perawat Muslim

Peribadi dan akhlak perawat amat penting. Pemerhatian melalui "*first impression*" terhadap seseorang perawat itu akan menentukan persepsi pesakit kepadanya. Jika dilihat kepada *title* dan gelaran yang diberikan kepada seseorang perawat Islam, kebanyakan daripada mereka digelar sebagai "ustaz" dan "ustazah". Gelaran "ustaz" dan "ustazah" sememangnya amat mulia dan ia menggambarkan mereka yang berilmu tinggi dalam agama dan berpekeriti mulia. Sewajarnya, gelaran ini dijaga dengan adil dan memberi kedudukan pada yang berhak.

Perawat yang menjalankan rawatan juga mestilah memiliki tiga prinsip utama, iaitu menjaga personaliti, berdisiplin dan jujur agar sunnah Nabi SAW berada pada tahap tertinggi agar kepercayaan masyarakat tidak luntur. Selain itu, perawat perlu ikhlas dan memiliki kekuatan kerohanian mantap. Hal ini penting kerana amalan dan keimanan perawat akan mempengaruhi kesembuhan pesakit.

Bahkan, sebagai seorang Muslim sewajarnya terserlah nilai keislaman tersebut dalam semua tingkah laku dan gerak kerja yang dilakukan. Penekanan terhadap aspek menjaga hubungan antara lelaki dan wanita, mengelak sentuhan secara terus, memohon kebenaran pesakit untuk menyentuh atau memulakan rawatan, membahasi mulut dengan ucapan ungkapan yang baik yang meningkatkan motivasi pesakit dan sebagai lagi yang amat diperlukan dalam peribadi seorang perawat yang baik.

Peribadi perawat yang mahu menonjolkan kehebatan diri, membuktikan keberkesanan rawatan yang ditawarkan, menjanjikan pelbagai perkara yang tidak pasti, mengkritikan pihak pengamal rawatan yang lain, sikap

mementingkan bayaran dan sebagainya lagi bukanlah merupakan ciri-ciri peribadi perawat yang baik.

[3] *Wasatiy* terhadap khidmat rawatan yang ditawarkan

Konsep “*rawatan Islam*” ialah penggunaan kaedah rawatan yang baik dan tidak bercanggah dengan syariat Islam dalam mencari kesembuhan. Skop pengubatan Islam amat luas dan boleh digunakan dalam merawat banyak penyakit dengan izin-Nya menggunakan ubat paling mujarab, iaitu al-Qur’an dan sunnah Nabi SAW. Oleh itu, para perawat perlu bersifat adil dan menggunakan kaedah rawatan yang diperakui Islam. Seorang pengamal atau perawat perlu jelas tentang kaedah rawatan yang dipraktikkan iaitu tidak bercanggah dengan tuntutan syariat Islam. Kaedah atau teknik rawatan tersebut bukan daripada kaedah yang dilarang seperti penggunaan jin sebagai pembantu dalam rawatan, penggunaan jampi atau mantera yang mengandungi ungkapan syirik, terdapat usur penyembahan terhadap makhluk,

Dalam kajian Khadher Ahmad (2012) menyebabkan bahawa antara kaedah yang dilarang atau kaedah yang menimbulkan kesamaran yang dipraktikkan oleh pengamal pengubatan Islam di Malaysia adalah penggunaan jampi atau mantera, kaedah ilmu sihir untuk melawan sihir dan sebagainya lagi.³⁹ Manakala kaedah yang meragukan adalah penggunaan teknik “*scanning*” untuk menentukan jenis penyakit dan kaedah rawatan jarak jauh, teknik membunuh dan meracun jin, kaedah batin atau kekuatan jiwa, kaedah menarik dan menyedut keluar jin dalam badan pesakit.⁴⁰ Jika tidak disertakan dengan dakwaan pasti jumlah jin dalam badan pesakit seperti seekor, dua ekor dan sebagainya, serta hanya bergantung kepada penggunaan ruqyah yang dibenarkan, maka tidak mengapa untuk mempraktikkan kaedah *scanning* itu. Apa yang salah adalah dakwaan pasti terhadap sesuatu perkara ghaib yang belum dapat dipastikan dengan jelas. Hal ini dikhuartiri terjebak dalam kalangan orang yang mempercayai bomoh atau pawang yang menyeleweng sehingga boleh jatuh kepada kekufuran atau ibadah yang dilakukan tidak diterima Allah SWT.⁴¹

³⁹ Khadher Ahmad. (2012). *Analisis Hadith-Hadith Mengenai Rawatan Sihir Dalam Al-Kutub Al-Sittah: Aplikasi Di Pusat Rawatan Islam Di Malaysia*. Tesis PhD, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, Malaysia, h.230.

⁴⁰ Ibid.

⁴¹ Khadher Ahmad. (2012). *Analisis Hadith-Hadith Mengenai Rawatan Sihir Dalam Al-Kutub Al-Sittah: Aplikasi Di Pusat Rawatan Islam Di Malaysia*. Tesis PhD, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, Malaysia, h.254.

[4] *Wasatiy* dari sudut kadar bayaran yang dikenakan ke atas khidmat rawatan yang ditawarkan atau bahan-bahan rawatan yang dibekalkan atau dijual.

Perawat yang adil tidak akan mengambil kesempatan atas kesempitan orang lain. Oleh itu, kadar bayaran dikenakan pusat rawatan perlulah bersesuaian dengan bentuk rawatan dan keadaan pesakit. Penilaian yang waras dan pertimbangan yang seimbang perlu dilakukan sebelum melaksanakan sesuatu tindakan. Kaedah yang paling selamat ialah meletakkan tanda harga dan kos rawatan bagi memudahkan pesakit menilai dan membuat keputusan sesuai dengan kemampuan.

Sekalipun demikian, perawat perlu memastikan bahawa harga yang ditetapkan itu lebih kepada ingin membantu memudahkan pesakit, bukan dengan tujuan perniagaan atau untuk mengaut keuntungan. Jika penetapan harga tersebut terlalu tinggi, hal tersebut telah tidak mencapai matlamat asal iaitu untuk membantu meringankan beban kesakitan pesakit. Terdapat kes di mana ada seorang pesakit perlu membayar sebanyak RM300 untuk satu kali rawatan, iaitu kos bagi pendaftaran dan kos bahan-bahan yang perlu dibeli tanpa pilihan pesakit. Jumlah tersebut melebihi kos yang diperlu dibayar bagi penggunaan khidmat rawatan pakar di hospital. Jadi, sewajarnya sebagai seorang perawat yang menyediakan rawatan berasaskan Islam, tidak akan mengenakan bayaran sedemikian kerana ia sangat membebankan pesakit. Sikap bertimbang rasa dan tidak mementingkan keuntungan perlu diutamakan.

[5] *Wasatiy* dari sudut penggunaan bahan rawatan yang halal dan tidak mencampuradukkan dengan haram atau meragukan.

Manakala dari sudut penggunaan bahan rawatan untuk rawatan penyakit, para pengamal dan perawat perlu memastikan bahawa bahan tersebut adalah daripada jenis bahan yang halal dan bukan daripada jenis najis. Dalam kajian yang dilakukan, terdapat pusat rawatan yang menggunakan bahan yang tidak dibenarkan atau daripada jenis najis seperti darah, penyembelihan ayam hitam atau kambing hitam yang mencampurkan usur syirik atau penyembahan, atau bahan-bahan daripada jenis najis seperti tahi bintang, darah binatang dan sebagainya.

Jika diperhatikan, apabila menggunakan bahan yang dilarang atau daripada bahan rawatan jenis najis, maka pendekatan rawatan yang dilakukan tersebut telah melanggar norma syariat Islam yang sebenar yang mesti bebas daripada perkara atau bahan yang diharamkan atau daripada bahan-bahan yang diragui kebersihannya. Islam mengkehendaki yang baik, suci dan bersih. Daripada Abi Hurayrah RA, sabda Nabi SAW: “*Sesungguhnya Allah*

itu bersih (suci/baik). Dia tidak menerima kecuali sesuatu yang bersih.”⁴² Kemudian, firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 172, bermaksud: “Wahai orang-orang yang beriman, makanlah kamu daripada rezeki yang baik-baik yang Kami kurniakan kepada kamu.” Dan firman Allah SWT lagi dalam surah al-Mu’minun ayat 51 yang bermaksud: “Wahai rasul-rasul, makanlah makanan yang baik-baik dan kerjakan amal soleh. Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang kamu lakukan.”

Apabila menepati tuntutan al-Quran dan sunnah Nabi SAW bermakna bahawa sifat wastiyyah telah diaplikasikan dalam membuat penilaian dan pemilihan terhadap bahan yang halal dan bersih serta meninggalkan segala keraguan dan bahan yang diharamkan.

[6] *Wasatiy* dalam merealisasikan sunnah dalam pengubatan alternatif Islam yang mewakili ajaran Nabi SAW berasaskan kepada *al-Tibb al-Nabawi*.

Selain daripada itu, para pengamal dan perawat Islam perlu menekankan pengaplikasian sunnah dalam rawatan yang dijalankan. Sewajarnya menjadikan pengubatan Nabi SAW (*al-Tibb al-Nabawi*) sebagai jalan atau cara dalam pengaplikasian rawatan. Antaranya, ikhlas dalam memberikan pertolongan tanpa mengharapkan ganjaran, memulakan rawatan dengan membaca *Basmallah*, menjaga batasan aurat antara lelaki dan wanita, berdakwah kepada pesakit dengan mengajak kembali kepada ajaran Islam yang sebenar seperti membetulkan pelaksanaan ibadah solat, bacaan al-Quran dan sebagainya lagi. Seolah boleh digambarkan bahawa, pusat rawatan Islam bukan sekadar membantu dalam ikhtiar kesembuhan penyakit, tetapi sebagai medium dakwah untuk mengajak pesakit dan masyarakat awam kepada ajaran Islam yang sebenar, bebas daripada unsur khurafat dan tahayul, membetulkan akidah Islam yang bebas daripada unsur syirik kepada Allah SWT, dan lebih mendekatkan pesakit kepada Allah dan ajaran Rasulullah SAW. Melalui usaha ini, akan dapat menyelamatkan banyak pihak daripada amalan jahiliyyah kepada ajaran Nabi SAW.

Kedua: Pihak Pesakit (Masyarakat Umum) yang mendapatkan khidmat rawatan

Pendekatan wasatiyyah turut perlu diterapkan terhadap pesakit atau masyarakat yang datang mengunjungi pusat rawatan alternatif Islam.

⁴² Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Kusuf, Bab Qabul al-Sadaqah min al-Kasb al-Tayyib wa Tarbiyatuha, no. hadith 1015. Lihat Muslim bin al-Hajjaj Abu Husain al-Qusyairi al-Naisaburi (t.t), Sahih Muslim, ditahqiqkan oleh Ahmad Muhammad Syakir, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, j.2, h. 703.

Keperluan ini adalah kerana mereka terlibat secara langsung dengan para pengamal dan perawat. Antara aspek wasatiyyah yang boleh diterapkan adalah;

[1] *Wasatiy* dari sudut tambah nilai dalam *thaqafah* (pengetahuan)

Bagi pihak pesakit atau masyarakat Islam yang merujuk kepada pengubatan alternatif Islam dalam mendapatkan khidmat rawatan, amat wajar mempunyai *thaqafah* yang betul dan tepat berhubung dengan setiap pengamal atau pusat rawatan alternatif tersebut. Hal ini bertujuan supaya, melalui pengetahuan selok belok atau latar belakang setiap pusat rawatan akan membantu mengelak daripada terjebak dengan rawatan perbomohan yang menyeleweng atau yang menggunakan khidmat pembantu dari kalangan jin atau saka. Pelbagai cara boleh dilakukan untuk memeriksa setiap pusat rawatan khususnya merujuk kepada pihak yang berautoriti atau daripada pihak kerajaan dan badan-badan NGO yang berkaitan. Di Malaysia, usaha ini telah dilakukan oleh Gabungan Pengamal Pengubatan Islam Malaysia (GAPPIMA) yang bernaungan di bawah mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi. Badan NGO ini telah berusaha untuk mengumpulkan maklumat pengamal pengubatan dan pusat rawatan mereka supaya mereka dapat dikawal dan mengamalkan pendekatan rawatan yang benar-benar mengikut syariat Islam.⁴³ Dalam pada itu, digalakkan kepada seluruh masyarakat untuk menuntut ilmu Islam yang lain supaya pertimbangan yang dilakukan tersebut berlandaskan syariat Islam bukan pandangan dan penilaian akal semata-mata.

[2] *Wasatiy* terhadap usaha mencari ikhtiar kesembuhan

Dalam pada itu, sebagai pesakit perlu berusaha tanpa erti penat dan lelah untuk berikhtiar mencari rawatan terhadap penyakit yang dihadapi. Usaha tersebut tidak mengenenipkan syariat Islam yakni dari sudut mengelak daripada mengorbankan prinsip Islam yang dimiliki. Realiti dalam masyarakat, apabila ditimpa sesuatu penyakit ada yang berusaha tanpa mengambil kira keadaan dan hal perawatan yang digunakan. Contohnya, sanggup menggadaikan akidah tauhid dengan merujuk kepada para bomoh yang menyeleweng seperti menggunakan khidmat jin atau melakukan amalan ritual yang berunsurkan syirik kepada Allah, atas alasan ingin mencari kesembuhan. Sedangkan, tiada kesembuhan pada sesuatu yang diharamkan oleh Allah SWT kerana kesembuhan yang mutlak adalah

⁴³ Laman sesawang GAPPIMA di link: <http://gappima.blogspot.com/2014/07/senarai-persatuan-di-bawah-gappima-2014.html>, 29 Ogos 2015.

daripada Allah SWT. Tugas hamba, hanya berusaha dan berikhtiar tanpa menggadaikan akidah dan meamastikan segala usaha yang dilakukan bukan melalui jalan yang dimurkai Allah SWT.

[3] *Wasatiy* dari sudut penerimaan penyakit sebagai ujian Allah.

Aspek ini merujuk kepada sikap daripada pesakit yang perlu meletakkan bahawa penyakit sebagai satu ujian daripada Allah SWT. Dengan penerimaan tersebut mampu menjadikan seseorang itu lebih redha dan tinggi tawakkalnya kepada Allah SWT. Allah SWT menyatakan bahawa setiap ujian itu adalah untuk menguji hamba-Nya. Firman Allah SWT yang bermaksud: "*Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: "Kami beriman", sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)?*" (Surah al-Ankabut (29): 2). Kemudian, firman-Nya lagi yang bermaksud: "*Dialah yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup (kamu) - untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu, siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya.*" (al-Mulk (67): 2).

Manakala dalam hadith riwayat Sayidatina 'Aishah RA berkata: Rasulullah SAW bersabda:

مَا مِنْ مُصِيبَةٍ تُصِيبُ الْمُسْلِمَ إِلَّا كَفَرَ اللَّهُ بِهَا عَنْهُ حَتَّى الشَّوْكَةِ يُشَاكُهَا

Terjemahan: "*Tidak ada suatu musibah pun yang menimpa seseorang Muslim, kecuali dihapuskan Allah segala dosanya sekalipun kerana tercucuk duri.*"⁴⁴

Daripada ayat dan hadith, jelas menunjukkan bahawa apabila seseorang itu dapat menerima penyakit yang dihadapi, maka kebergantungannya kepada Allah adalah lebih berbanding ketika sihat. Segalanya diserahkan kepada Allah sehingga dia disembuhkan Allah dan diangkar darjat di sisi-Nya.

[4] *Wasatiy* dalam mengaplikasikan konsep tawakkal kepada Allah sebagai Maha Penyembuh

⁴⁴Hadith riwayat al-Bukhari, Kitab al-Marda, Bab Ma Ja'a fi Kafarah al-Marad, no. hadith 5210 dan Muslim, Kitab al-Birr wa al-Silah wa al-Adab, Bab Thawab al-Mu'min Fima Yusibuh min Marad aw Huzn aw Nahw, no. hadith 4667. Lihat Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari al-Ja'fi (1407H/1987M), al-Jami' al-Sahih al-Mukhtasar, ditahqiqkan oleh Dr. Mustafa Dib al-Bagha, Beirut: Dar Ibn Kathir al-Yamama, j. 17, h. 373 dan Muslim bin al-Hajjaj Abu Husain al-Qusyairi al-Naisaburi (t.t), Sahih Muslim, ditahqiqkan oleh Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi, Beirut: Dar Ihya' al-Turath, j. 12, h. 447.

Demikian juga, apabila sifat wasatiyyah tertanam dalam diri setiap pesakit, maka mereka akan meletakkan pergantungan sepenuhnya kepada Allah SWT tanpa sebarang keluruhan. Mereka akan menjadikan doa sebagai penghubung dalam memohon kesembuhan daripada Allah. Bahkan, Allah SWT telah memberi jaminan tentang kemakbulan doa yang dipohon oleh hamba-Nya. Firman Allah SWT yang bermaksud: *"Dan Tuhan kamu berfirman: "Berdoalah kamu kepadaKu nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu."* (Ghafir (40):60)

Apabila mengetahui dan jelas tentang hal tersebut, maka segalanya akan diserahkan kepada Allah SWT. Tugas pesakit hanyalah berikhtiar dan memohon kesembuhan daripada Allah. Soal sembuh atau tidak diserahkan hal itu kepada Allah SWT.

[5] *Wasatiy* dalam membuat pertimbangan antara memenuhi tuntutan Islam atau sebaliknya terhadap perkhidmatan rawatan Islam yang ditawarkan oleh pengamal pengubatan alternatif.

Sekalipun memerlukan khidmat rawatan terhadap penyakit yang dihadapi, amat perlu diberikan penekanan juga adalah aspek *tabayyun* terhadap perkhidmatan rawatan yang ditawarkan oleh pusat rawatan alternatif yang sedia ada. Ini bermakna bahawa sebelum merujuk kepada sesuatu pusat rawatan, pesakit atau ahli keluarga perlu mengambil langkah untuk memastikan latar belakang pusat rawatan dan pengamalnya supaya tidak tertipu dengan iklan yang diwar-warkan. Pastikan pusat rawatan Islam tersebut betul-betul menitik beratkan amalan Islam bukan yang menyalahgunakan title "Islam" untuk menarik minat pesakit datang mendapatkan rawatan. Hal ini sangat bersesuaian dengan firman Allah SWT yang bermaksud: *"Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya."* (al-Hujurat (49):6).

Dengan penekanan terhadap konsep "*tabayyun*" ini dapat dapat menyelamatkan pesakit daripada pelbagai aspek seperti tergadai akidah Islam, ditipu dengan wang ribuan ringgit, mengelak daripada menghabiskan masa dan menjauhkan diri daripada kebergantungan terhadap pengamal tersebut sekalipun terang kefasikan atau penyelewengan yang dilakukan.

CADANGAN

Berdasarkan kepada penjelasan yang telah disebutkan, penerapaaan aspek wasatiy dalam pengubatan alternatif Islam akan menjadikan bidang PAI ini

terhadap dan menjamin nilai Islam yang dibawahnya. Oleh yang demikian, satu cadangan garis panduan boleh dibentuk sebagai satu “standard” berasaskan elemen wasatiyyah terhadap pengubatan alternatif Islam. Bahkan, bebas daripada perkara “syubhah”. Panduan ini dapat dibahagikan kepada dua sasaran utama, iaitu:

Pertama: Panduan Perawat Dalam Operasi Pengubatan Alternatif Islam

Pertama: Dakwah merupakan kewajiban setiap Muslim. Setiap perbuatan dan percakapan seorang Muslim merupakan dakwah dari aspek seri tauladan secara tidak langsung. Para pengamal PAI perlu mengambil tanggungjawab menjadikan pengubatan alternatif Islam sebagai misi dakwah semasa. Misi pertama yang perlu dilakukan ialah menyebarkan kepercayaan dan keyakinan kepada Allah dan meninggalkan syirik (menyekutukan Allah SWT dengan selainnya). Ini seterusnya dapat mengembalikan pemahaman kepada Islam yang dibawa oleh Nabi SAW.

Kedua: Merawat sesuai dengan keupayaan dan ilmu yang ada pada diri perawat. Bagi penyakit yang tidak mampu dirawat, perlulah dirujuk pada yang lebih pakar.

Ketiga: Mencurahkan masa dan tenaga pada seseorang pesakit agar penumpuan penuh dapat dilakukan. Hal ini secara tidak langsung akan memberi kesan maksimum dan kepuasan pada pesakit. 70% dari kesembuhan pesakit adalah berpunca daripada usaha dan kesungguhan perawat itu sendiri.

Keempat: Menjauhi penyediaan khidmat rawatan yang menyalahi syara' atau menggunakan bahan-bahan yang boleh mendatangkan *syubhah* (keraguan) dan dilarang Islam. Pengamal PAI wajib meletakkan kebergantungan kepada Allah SWT, bukan kepada makhluk.

Kelima: Harga perkhidmatan yang disediakan perlulah berpatutan selain meraikan konsep saling bantu membantu sesama Muslim. Cara paling baik ialah dengan meletakkan senarai harga rawatan untuk makluman awal pesakit. Justeru, pesakit dapat menilai dan berkira-kira sebelum mendapatkan rawatan.

Keenam: Khidmat rawatan yang disediakan perlu dinyatakan terlebih dahulu akan dasar kaedah atau metodologi rawatan yang digunakan untuk memberi satu bentuk kepastian kepada pesakit dan tidak menimbulkan syak wasangka yang boleh menjejaskan kredibiliti sesebuah pusat rawatan Islam.

Ketujuh: Suasana persekitaran kawasan atau premis rawatan perlulah berasaskan *bi'ahIslamiah* yang boleh mendatangkan ketenangan pada para pesakit yang hadir.

Kelapan: Sesebuah pusat rawatan Islam perlu berdaftar dengan badan atau persatuan yang bertanggungjawab agar kaedah rawatan diperakui dan mendapat pembelaan sewajarnya andai terdapat masalah mendatang yang sukar dijangka.

Kesembilan: Memberi ilmu dan kesedaran kepada masyarakat terhadap potensi peranan lebih luas dimiliki PAI. Beralih dari peranan utama PAI sebagai penyelesaian masalah spiritual, PAI turut mampu merawat penyakit jasmani secara berkesan.

Kesepuluh: Memastikan keberkesanan (*efficacy*), keselamatan (*safety*) dan kawalan kualiti (*quality control*) aspek rawatan yang menjadi bahan cemuhan pakar pengubatan professional dapat dibuktikan serta diperakui pihak berwajib. Dengan perlaksanaan perkara tersebut, “Islamic Medicine” bakal mencapai sasaran menjadi “mainstream” dalam rawatan penyakit di Malaysia.

Kedua: Panduan Pesakit Dalam Merujuk Pengubatan Alternatif Islam

Pertama: Mencari pusat rawatan Islam yang memberi perkhidmatan rawatan terbaik untuk hasil kesembuhan maksimum dan bukan hanya sekadar hanya manis pertuturan dan publisiti.

Kedua: Menjauhi pusat rawatan yang mahal, mencurigakan dan bersalahan dengan metode rawatan digariskan Islam. Sebaiknya, para pesakit perlu mendapatkan maklumat berkaitan pusat rawatan Islam yang ingin dirujuk terlebih dahulu untuk mengelakkan terjadinya perkara tidak diingini melalui medium-medium carian maklumat terkini.

Ketiga: Pastikan meminta cara dan khaifiat berubat yang dijalankan perawat untuk dilaksanakan sendiri di rumah. Hal ini kerana usaha dan ikhtiar pesakit serta ahli keluarga adalah paling baik dalam mencari kesembuhan tanpa perlu berulang alik selalu kepada pusat rawatan Islam terbabit. Hal ini lebih menjimatkan masa, wang ringgit dan tenaga pesakit.

Keempat: Merujuk kepada hospital terlebih dahulu bagi sebarang penyakit fizikal dan masalah yang mungkin dapat dikesan oleh teknologi sebelum merujuk kepada pusat pengubatan Islam bagi mengelakkan kecelaruan

maklumat. Hal ini boleh terjadi apabila *scanning* perawat terhadap penyakit yang dialami oleh pesakit adalah berbeza antara pusat rawatan Islam.

Kelima: Bagi pesakit yang diarahkan oleh perawat untuk membeli produk (*suppliment*) bagi penyakit yang dialami, para pesakit perlulah membuat pertimbangan dengan baik terlebih dahulu dan menilai keberkesanan produk terhadap masalah dihadapi pesakit sesuai dengan kewangan dan kemampuan sedia ada. Jangan membeli produk yang dibekalkan perawat andai terdapat unsur paksaan ugutan.

KESIMPULAN

Apa yang dimaksudkan dengan wasatiyyah dalam Islam ialah seimbang, tepat dan sesuai dengan kehendak serta panduan dan ukuran syariat Allah SWT, bukannya mengikut ukuran akal pemikiran dangkal manusia semata-mata.

Adalah lebih sejahtera jika pihak Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil langkah positif untuk bekerjasama dengan pihak perubatan Islam yang terdapat di Malaysia khususnya dalam membentuk satu kaedah pengubatan alternatif Islam yang terbaik bersumberkan al-Qur'an, al-Hadith dan kaedah saintifik yang diakui keberkesanan serta terhindar dari kaedah-kaedah karut. Maka, hasilnya akan wujud satu "*standard guideline*" yang wasatiyyah untuk diaplikasi oleh semua pengamal pengubatan alternatif Islam.

Signifikannya, apabila Allah SWT menegah sesuatu, Dia menyediakan pula pilihan alternatif lain yang jauh lebih baik dan tinggi nilainya. Apabila Dia melarang syirik, maka Dia menawarkan iman dan Islam kepada manusia untuk keselamatan dunia dan akhirat. Apabila Dia membuat ancaman azab kepada pelaku kerosakan dan kezaliman, Dia menyediakan pula untuk mereka peluang taubat. Apabila Dia melarang kebencian dan permusuhan, Dia menyanjung pula kasih sayang dan perdamaian. Apabila Dia menegah kezaliman dan penganiayaan, Dia memerintahkan pula keadilan dan hak dikembalikan. Apabila Dia membenci kelemahan dan kehinaan dalam kehidupan, Dia menyuruh pula agar mencari dan membina kemuliandan ketinggian. Inilah keindahan wasatiyyah dalam Islam.

BIBLIOGRAFI

- Azizan Baharuddin. (1993), "Unsur Rasional dan Spiritual di Dalam Perubatan Melayu," dalam Azizan Baharuddin (pnyt), *Perubatan Dan Kesihatan Di Kalangan Orang Melayu*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya
- Esther Walcott. (2004). "Seni Pengobatan Alternatif: Pengetahuan dan Persepsi", Kerja Kursus Program Australian Consortium for In Country Indonesia Studies (ACICIS), Malang, Indonesia: Universitas Muhammadiyah.
- Hasil pemerhatian dan temuramah dengan Master Muhammad Yunus Bin Sahari, pengasas Pusat Rawatan Alternatif Rumah Sihat (Bekam Terapi Moden Malaysia) di Batu Caves, Selangor pada Mac 2013.
- Hasil temuramah dengan Encik Zaiani bin Mohd Diah, pengasas pusat perubatan tradisional Delima Nurrin Nubuwwah, Negeri Sembilan pada Mac 2013.
- Hassan Azaizeh, Bashar Saad, Edwin Cooper and Omar Said, "Traditional Arabic and Islamic Medicine, A Re-Emerging Health Aid", *eCAM* 2010; vol. 7 (4), pp. 419-424. Ibrahim b. Syed, "*Spiritual Medicine in the History of Islamic Medicine*", *JISHIM* 2003, 2 (4), pp. 45-49.
- Ibrahim Syed, "Spiritual Medicine in the History of Islamic Medicine", *JISHIM* 2003, 2 (4), pp. 45-49.
- Ismail Ibrahim, Profesor Dato' Dr, *Konsep Wasatiyyah: Perspektif Islam*, (Kertas Kerja dibentangkan dalam Konvensyen Wasatiyyah Sempena Satu Milenium Islam di Nusantara, anjuran Nadi Dialog Malaysia (NADI) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Hotel Pullman, Putrajaya pada 10-11 Jun 2011, h. 1-2.
- Khadher Ahmad & Mohd Farhan Md Ariffin. (2013). Khurafat Tahyul dan Teknik Mistik dalam Rawatan Alternatif. Prosiding Seminar Hasil Penyelidikan Sektor Pengajian Tinggi Kementerian Pendidikan (SHP-KPT 2013). Anjuran Universiti Utara Malaysia (UUM), Kedah, Malaysia. Pada 2-3 Julai 2013, h. 438.
- Khadher Ahmad & Mohd Farhan Md Ariffin. (2013). Pusat Rawatan Islam Di Malaysia: Antara Tanggungjawab Dan Keuntungan. Prosiding Seminar Hasil Penyelidikan Sektor Pengajian Tinggi Kementerian Pendidikan (SHP-KPT 2013). Anjuran Universiti Utara Malaysia (UUM), Kedah, Malaysia. Pada 2-3 Julai 2013, h. 462.
- Khadher Ahmad, Abdullah Yusuf, Mohd Farhan Md Ariffin. 2014. Hala Tuju Pengubatan Alternatif Berteraskan Islam Di Malaysia: Kajian Persepsi Pengamal Perubatan. *Al-Basirah Journal*, Akademi Pengajian Islam Nilam Puri, Kelantan, bil. 4 (6): 109-134.

- Khadher Ahmad, *et al.* (2013). Seni Perubatan Alternatif Di Malaysia: Analisis Permasalahan Metode Rawatan. Global Journal Al-Thaqafah (GJAT), V. 4, Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah, Malaysia.
- Khadher Ahmad. (2012). Analisis Hadith-Hadith Mengenai Rawatan Sihir Dalam Al-Kutub Al-Sittah: Aplikasi Di Pusat Rawatan Islam Di Malaysia. Tesis PhD, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, Malaysia.
- M. Abdul Quesem (1998), *Etika Al-Ghazali*, Surabaya: Pustaka Bandung.
- Mohamad Kamil Hj. Abdul Majid (2013), *Wasatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah*, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 1.
- Roland Werner. (1983), *Transcultural Healing, The Whole Human*, (Kuala Lumpur: University Malaya Press.
- Salim M Adib, "From The Biomedical Model To The Islamic Alternative: A Brief Overview Of Medical Practices In The Contemporary Arab World", *Social Science and Medicine* 2004, 58 (4), pp. 697-702.
- Timmermans, Karin. (2001). ASEAN Workshop: TRIPS, CBD and Traditional Medicines: Concepts and Questions. Jakarta: 13-15:02.01.
- Xu Hao, Chen Ke-Ji, (2012), Complementary and Alternative Medicine: Is It Possible To Be Mainstream?, *Chin J Integr Med* 2012, 18(6), 403-404.
- Zainal Kling, Profesor Datuk Dr., *Konsep Wasatiyyah: Perspektif Sains Sosial*, (Kertas Kerja dibentangkan dalam Konvensyen Wasatiyyah Sempena Satu Milenium Islam di Nusantara, anjuran Nadi Dialog Malaysia (NADI) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Hotel Pullman, Putrajaya pada 10-11 Jun 2011.